

17 OCT 2002

Huhtala-Bom/I

TEORI PEMBABITAN AMERIKA DALAM PENGEBOMAN DI BALI MENGEJUTKAN

Oleh: Muin Abdul Majid

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Duta besar Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia Marie Huhtala menyifatkan dakwaan negara tu terbabit dalam pengeboman di Bali pada lewat Sabtu lepas sebagai "mengejutkan"

"Ia amat mengejutkan. Saya sangat marah bila mendengar dakwaan itu. Malah untuk mencadangkan kerajaan kami terlibat dengan tindakan dahsyat sebagai tidak masuk akal, terutama kami sendiri menjadi mangsa tindakan paling buruk di dunia setakat ini," katanya yang menyebut serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept.

Antara mereka yang mendakwa kemungkinan pembabitan Amerika dalam pengeboman kelab malam di resort kepulauan yang mengorbankan hampir 200 orang yang kebanyakannya golongan muda, membabitkan beberapa anggota Parlimen Indonesia yang dilaporkan mendakwa perbuatan itu dilakukan bagi membolehkan kuasa asing mendapat tempat untuk mengurus negara itu.

Ketika bercakap dalam satu temubual dengan Bernama di sini, beliau berkata Washington akan melakukan apa sahaja yang boleh untuk bekerjasama dengan kerajaan di seluruh dunia untuk menghentikan tindakan keganasan.

Huhtala juga menolak kesangsian bahawa letupan bom kereta di Bali dilakukan sebagai helah untuk memperkukuhkan kedudukan Amerika Syarikat di rantau ini.

"Kita tidak perlu gunakan helah seperti itu. Kita mempunyai hubungan baik di rantau ini. Kita tidak mahu menggunakan kekerasan di Asia Tenggara, ia terlalu jauh daripada objektif kami," katanya.

Huhtala berkata AS bekerjasama dengan setiap negara berdasarkan kaedah yang sedikit berlainan kerana hubungan yang terjalin adalah berbeza.

"Bagi Filipina sebagai contoh, kita mempunyai hubungan ketenteraan memandangkan mereka meminta kami menghantar tentera untuk tujuan latihan.

"Negara lain tidak mahukan bantuan ketenteraan, dan kami tidak mempunyai masalah. Mungkin mereka mahukan kerjasama perisikan, Jadi kami sangat fleksibel mengenai cara kami menjalin hubungan di rantau ini," katanya.

Sambil menyifatkan tragedi Bali sebagai amaran kepada semua negara di Asia Tenggara, duta besar itu berkata ia membuktikan bahawa tiada sesiapaupun selamat daripada kemungkinan serangan pengganas.

Huhtala berkata beliau gembira mendapati kerajaan Indonesia membuat kenyataan keras yang menyesali pengeboman kelab malam di pulau itu yang sebelum ini merupakan syurga untuk pelawat asing.

"Mereka memperakui bahawa mereka mempunyai masalah dalam negara. Setiap negara di Asean menangani isu ini (keganasan) menerusi pendekatan yang berbeza dan ini dapat difahami memandangkan situasinya berbeza di setiap negara.

"Dan kami tidak mempunyai masalah. Kami mahu membantu setiap negara dalam apa sahaja cara yang paling sesuai dengan keadaan. Dan itulah cara pendekatan kami," katanya.

Dalam hubungan ini, beliau menggesa semua negara di Asia Tenggara supaya terus bekerja rapat dengan Amerika Syarikat dalam menangani keganasan yang "kita kini lihat boleh berlaku di mana-mana negara, malah di tempat yang tidak mempunyai kepentingan politik."

Ditanya mengenai laporan bahawa kerajaan Taiwan telah dimaklumkan oleh Amerika Syarikat mengenai serangan ke atas Bali sehari sebelum kejadian, Huhtala berkata ia tidak benar.

Beliau berkata minggu lepas, kerajaan Amerika Syarikat mengeluarkan

amaran terbaru mengenai kemungkinan pengganas menggunakan sasaran "lembut" seperti kelab, restoran, sekolah dan tempat beribadat.

Huhtala berkata amaran itu dihantar kepada semua kerajaan, malah beliau sendiri pergi ke Wisma Putra Jumaat lepas untuk memaklumkan amaran baru itu kepada kerajaan Malaysia.

"Tiada siapa boleh menjangkakan serangan di Bali. Tiada siapa yang memberi amaran mengenainya kerana tiada siapa yang mengetahuinya... Jadi bukan sahaja kerajaan di Taipeh, malah semua kerajaan di rantau ini dimaklumkan mengenai amaran itu minggu lepas, termasuk kerajaan Indonesia," katanya.

Beliau juga diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenainya perlunya kajian mencari punca sebenar berlakunya keganasan bagi menangani masalah itu.

Huhtala berkata Amerika Syarikat tidak sama sekali mempertikaikannya, apa lagi dengan banyak perbincangan dan pendapat diberi mengenai apa yang dianggap punca berlakunya keganasan.

Bagaimanapun, beliau berkata apa sahaja puncanya -- sama ada perasaan tidak puas hati dengan sesuatu dasar, kemiskinan, penindasan atau lain-lain -- tiada satu pun yang mewajarkan pembunuhan orang yang tidak berdosa.

"Hampir 200 orang muda dibunuh dengan kejam pada malam minggu. Dan dukacita saya katakan bahawa tidak ada puncanya di sana yang mewajarkan perbuatan itu.

"Dan saya rasa mengkaji punca menyebabkannya akan hanya membawa kita kepada satu tahap. Saya berpendapat, anda perlu memberi perhatian utama kepada menghentikan tindakan jenayah ini dan itulah kedudukan yang diambil oleh kerajaan saya."

-- BERNAMA

MAM AHH AAM LAT